

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN TENIS TERBUKA AWANA 97
Lokasi : AWANA GOLF & RESORT, GENTING HIGHLAND
Tarikh : 14-11-1997

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya ke Majlis Perasmian Kejohanan Tenis terbuka Awana Golf & Resort pada hari ini.
 2. Hari ini merupakan sejarah kerana pada pertama kali dalam sukan tenis di Malaysia, kita bersama dapat menyaksikan satu usaha integrasi kejohanan tenis berkerusi roda untuk golongan orang kurang berupaya dengan kejohanan tenis untuk orang biasa yang diadakan bersama di Awana Tennis Open 97. Ini juga merupakan kali pertama kejohanan tenis untuk orang biasa dibuka dan diberi peluang kepada tenis berkerusi roda.
 3. Sukan tenis berkerusi roda bukan sahaja untuk penyertaan kejohanan. Kejayaan yang lebih besar adalah apabila pemain-pemain tenis berkerusi roda diberi peluang bermain dan bergaul dengan pemain-pemain tenis orang biasa dan dapat bermain bukan sahaja diperingkat kejohanan malah diperingkat rekreasi dan permainan biasa.
 4. Hari ini juga melambangkan bahawa di pertandingan ini, pasukan Wheelchair Tennis Malaysia melangkah ke arah yang tepat. Adalah diharapkan bahawa lebih banyak lagi pemain-pemain tenis berkerusi roda dan pemain-pemain tenis orang biasa di Malaysia bermain bersama-sama.
 5. Saya mengalu-alukan kedatangan pemain-pemain tenis berkerusi roda luar negara dari Hiroshima Wheelchair Tennis Association, Jepun dan Singapore Wheelchair Tennis untuk mengambil bahagian dalam kejohanan ini dan diharapkan mereka akan menyertai dengan semangat kesukanan.
 6. Saya difahamkan bahawa pada bulan Mei tahun ini, pasukan Wheelchair Tennis Malaysia telah berjaya mendapat 5 pingat emas, 4 perak dan 3 gangsa di kejohanan Thailand Open 97, NEC IWTF International Wheelchair Tennis Championship, di Pattaya, Thailand.
 7. Kejayaan ini diikuti dengan pungutan 2 pingat emas di kejohanan British Open 97 yang prestij, NEC IWTF International Wheelchair Tennis Championship, di Nottingham, United Kingdom.
 8. Pada akhir bulan lepas, kejohanan yang baru tamat iaitu Hiroshima Peace Cup 97, NEC IWTF International Wheelchair Tennis Championship, di Hiroshima, Jepun, pasukan Wheelchair Tennis Malaysia telah berjaya mendapat 3 pingat emas, 4 perak dan 3 gangsa.
 9. Ini bererti pasukan Wheelchair Tennis Malaysia dalam tahun ini telah menunjukkan kejayaan yang sangat cemerlang di kejohanan peringkat antarabangsa tenis berkerusi roda dengan memperolehi jumlah pingat keseluruhan pada tahun ini sebanyak 10 pingat emas, 8 perak dan 6 gangsa.
 10. Tahniah dan syabas di ucapkan atas kejayaan cemerlang pasukan Wheelchair Tennis Malaysia.
 11. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dan telah bekerja kuat untuk menjayakan kejohanan yang unik ini.
- Saya ucapkan terima kasih kepada pihak penganjur Awana Tennis Open 97 iaitu Awana Golf & Country Resort dan Pinesports School of Tennis (M) Sdn. Bhd.
12. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua penaja, semua pemain tenis dan semua pegawai dan sukarelawan atas segala sumbangan yang diberikan untuk menjayakan kejohanan ini.
 13. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Awana Tennis Open 97.